

05 JAN 1997

IPF-gabungan

IPF TOLAK GABUNGAN DENGAN PPP (bergambar)

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Presiden Indian Progressive Front (IPF) M.G.Pandithan hari ini menolak sebarang kemungkinan parti itu bergabung dengan Parti Progresif Penduduk (PPP) dan berkata IPF tidak akan dibubarkan sebaliknya 20 berikrar berusaha "dengan apa cara sekalipun" untuk menyertai Barisan Nasional.

Kenyataannya disambut dengan laungan "hidup IPF, hidup BN" daripada 2,000 ahli yang menghadiri Perhimpunan Agung ke-5 IPF di sini hari ini. Mesyuarat sehari itu dirasmikan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Zahid, dalam ucapannya berkata beliau kagum dengan semangat IPF dan "tidak melihat sebarang sebab kenapa BN tidak boleh menerima IPF."

Sambil menjelaskan bahawa Pemuda Umno bersikap "terbuka" dalam perkara itu, Zahid berkata beliau akan mencadangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN supaya mengkaji semula sistem muafakat yang diamalkan oleh BN untuk menerima komponen baru.

Pada masa ini, mana-mana parti yang memohon untuk menyertai BN perlu mendapat kelulusan sebulat suara daripada kesemua parti komponen dalam BN. MIC telah membantah kemasukan IPF dalam gabungan itu.

Pandithan memberitahu perwakilan bahawa "walau kerana sebab apa sekalipun, IPF tidak akan dibubarkan".

"Permintaan untuk membubarkan IPF ialah seperti meminta saya membunuh anak saya...saya lebih rela mati daripada membunuh IPF," katanya.

Reaksi Pandithan itu berikutan kenyataan Presiden PPP Datuk M.Kayveas pada Rabu lepas bahawa PPP sedia menyerap anggota IPF dan menerima kemasukan 500,000 anggotanya ke dalam parti itu.

Kayveas berkata pemimpin kedua-dua parti memulakan perbincangan mengenai perkara itu beberapa bulan lepas dan bersetuju untuk bekerjasama.

Bagaimanapun, Pandithan yang melahirkan perasaan terkejut dengan kenyataan itu menafikan "perbincangan" telah diadakan dan berkata "pemimpin PPP" (bukan Kayveas) sekadar bersebang mengenai perkara itu.

Ketika bercakap kepada pemberita, Pandithan berkata beliau telah memberitahu pemimpin PPP bahawa "IPF bersedia bekerjasama dengan PPP, tetapi soal membubarkan IPF tidak timbul langsung".

"Saya bersedia menemui Kayveas tetapi kami tidak bersedia untuk membubarkan IPF kerana IPF bukan milik Pandithan tetapi milik 500,000 anggotanya," kata beliau.

Zahid ketika ditanya sama ada pergerakan itu menyokong kemasukan IPF ke dalam BN berdasarkan ucapannya terdahulu, berkata Pemuda Umno bersikap terbuka.

"Pemuda Umno tidak boleh mengesahkan atau menyokong...kami bersikap terbuka dan itu lebih kuat daripada menyokong," kata beliau sambil menjelaskan bahawa pergerakan itu "terhutang budi" kepada IPF dalam pilihan raya umum lepas.

Semasa diberitahu bahawa MIC mungkin tidak senang dengan kenyataannya, Zahid berkata: "Realiti harus diterima kerana perjuangan dalam parti bukan hanya untuk melihat kepada individu. Pemimpin datang dan pergi tapi perjuangan masyarakat perlu diteruskan."

Beliau berharap "satu hari nanti (Presiden MIC) Datuk Seri S.Samy Vellu akan berlembut hati dan menerima IPF".

Mengenai cadangan untuk mengkaji semula sistem muafakat dalam BN, beliau berkata Pemuda Umno akan membincangkannya dalam mesyuarat Pergerakan Pemuda BN.

"Apa yang kita putuskan dalam mesyuarat Pemuda BN, kita akan bawa kepada mesyuarat induk BN," kata beliau. --BERNAMA

ES ERE SN MAI